



## **KENYATAAN MEDIA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PENDEPOSIT SIMPAN SSPN PRIME TERIMA GANJARAN KESETIAAN**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) amat menghargai pendeposit Simpan SSPN Prime yang menyertai Kempen Ganjaran Kesetiaan Simpan SSPN Prime 2022 yang berlangsung pada 22 Februari 2022 hingga 30 April 2022 lalu.
2. Kempen Ganjaran Kesetiaan Simpan SSPN Prime 2022 menawarkan ganjaran pada kadar 1 peratus sebagai ganjaran tambahan selain dividen tahunan serta tanda penghargaan PTPTN kepada pendeposit yang membuat simpanan dalam jangka masa panjang. Pendeposit yang membuka akaun Simpan SSPN Prime pada tahun 2004 sehingga 31 Disember 2018, membuat simpanan terkumpul minimum sebanyak RM500.00 dan tidak membuat pengeluaran simpanan dalam tempoh kempen sehingga 31 Julai 2022 layak untuk menyertai kempen ini.
3. Ganjaran Kesetiaan pada kadar 1 peratus tersebut telah dimasukkan ke dalam 44,758 akaun Simpan SSPN Prime yang layak, melibatkan peruntukan berjumlah RM2.38 juta. Pendeposit Simpan SSPN Prime boleh membuat semakan Ganjaran Kesetiaan di penyata Simpan SSPN Prime melalui Portal Rasmi PTPTN [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau aplikasi mudah alih myPTPTN mulai 15 September 2022 lalu.
4. Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, "Jumlah deposit Simpan SSPN Prime yang diterima melalui Kempen Ganjaran Kesetiaan Simpan SSPN Prime bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM238.3 juta. Ini jelas menunjukkan bahawa Kempen Ganjaran Kesetiaan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat Malaysia dalam membudayakan amalan penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi."

5. Sehingga 31 Ogos 2022, jumlah deposit Simpan SSPN yang diterima bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM1.92 bilion atau 68.65% daripada sasaran tahun 2022 berjumlah RM2.8 bilion. PTPTN mengucapkan terima kasih kepada pendeposit Simpan SSPN Prime yang setia membuat simpanan bersama PTPTN untuk jaminan masa depan pendidikan. Teruskan membuat simpanan di dalam Simpan SSPN Prime kerana ia menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada pendeposit seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak, patuh syariah dan dijamin Kerajaan.
  
6. Pendeposit Simpan SSPN juga berpeluang memenangi hadiah hebat bernilai hampir RM1 juta melalui promosi Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN yang sedang berlangsung sehingga 31 Disember 2022 dengan hadiah utama berupa kereta Mercedez-Benz A250 AMG Line. Layari [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau aplikasi mudah alih myPTPTN untuk membuka akaun atau membuat penambahan deposit Simpan SSPN.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**  
**27 September 2022**